

AKHBAR : BERITA HARIAN

Lebih 2 juta penduduk manfaat LRT3

➔ Projek tren pertama guna teknologi hijau dijangka siap menjelang 31 Ogos 2020

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Norrasyidah Arshad

bhnews@bh.com.my

■ Shah Alam

Datuk Seri Najib Razak semalam melancarkan Projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) yang akan menghubungkan Bandar Utama di Petaling Jaya dengan Johan Setia di Klang, sepanjang 37 kilometer.

Perdana Menteri berkata, LRT3 akan menjadi projek tren pertama di Malaysia menggunakan teknologi hijau yang dilengkapi teknologi pengumpulan air hujan, sistem pengurangan bunyi, sistem pengurusan tenaga yang lebih baik serta pengudaraan semula jadi dalam reka bentuknya.

Apabila siap menjelang 31 Ogos 2020, LRT3 akan memanfaatkan lebih 2 juta penduduk di kawasan Koridor Barat Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Pembinaannya dijadualkan bermula awal tahun depan.

Katanya, jajaran LRT3 akan mempunyai 26 stesen dengan 10

daripadanya dilengkapi kemudahan *park and ride*, selain kemudahan tambahan bas pengantara bagi menghubungkan penduduk ke stesen.

"Saya difahamkan LRT3 akan menggunakan teknologi baharu iaitu U-Trough. Ia satu penambahbaikan kepada sistem konvensional sedia ada. Pelaksanaannya akan mempercepatkan proses dan masa," katanya berucap pada majlis pelancaran projek itu di Stadium Malawati di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Pengerusi Prasarana Malaysia Berhad, Tan Sri Ismail Adam.

Capai piawaian dunia

Perdana Menteri juga mahu projek LRT3 mencapai piawaian pembinaan bertaraf dunia, tidak

berkompromi dari segi kualiti kerja dan keperluan keselamatan.

Najib turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Selangor pimpinan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, yang bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam menjayakan projek LRT3.

"Projek ini insya-Allah akan mengikut jadual dan saya berterima kasih kepada kerajaan Selangor yang memberi kerjasama untuk menjayakannya.

"Walaupun kita berbeza pandangan tetapi untuk kepentingan rakyat, perlu diingat rakyat mesti didahulukan," katanya.

Pada majlis itu, Najib turut mengumumkan diskaun sebanyak 50 peratus kepada pengguna yang menggunakan perkhidmatan rangkaian tren Rapid KL LRT dan Monorel antara jam 6 hingga 7 pagi, bermula 16 September ini.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA



NAJIB TUN RAZAK melihat laluan LRT3 di Shah Alam, semalam. Turut hadir Liow Tiong Lai, Ismail Adam (dua dari kanan) dan Mohamed Azmin Ali. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

LRT3 kemudahan bertaraf dunia

SHAH ALAM 24 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu projek pembinaan laluan ketiga sistem transit aliran ringan (LRT3) menjadi kemudahan pengangkutan awam bertaraf dunia selaras dengan status negara maju pada 2020.

Perdana Menteri berkata, teknologi terkini dinamakan U-Trough dalam projek berkenaan berbanding pembinaan konvensional yang digunakan di negara ini sekarang, merupakan yang terbaharu, paling berkesan dan menjimatkan.

Walau bagaimanapun, tegas beliau, dalam memenuhi jadual pembinaan yang ditetapkan, aspek kualiti dan keselamatan dijamin tidak akan diabaikan sama sekali.

“Apa yang saya nak tekankan bahawa LRT3 mesti mencecah standard pembinaan kelas dunia.

“Ia mesti juga mencapai kualiti dan bukan sahaja kualiti, tetapi standard keselamatan mesti tidak sesekali diambil mudah,” katanya ketika berucap melancarkan projek LRT3 di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali serta Pengerusi Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad, Tan Sri Ismail Adam.

Sehubungan itu, beliau berharap projek LRT3 dapat disiapkan

mengikut jadual iaitu pada 31 Ogos 2020.

Menurutnya, laluan LRT3 sepanjang 37 kilometer dengan 26 buah stesen antara Klang dan Bandar Utama bakal memberi manfaat kepada kira-kira dua juta penduduk di kawasan koridor barat Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

Perdana Menteri menjelaskan, dengan adanya LRT3 di bawah Pelan Pembangunan Rel Bandar, beliau yakin sistem pengangkutan awam yang berdaya saing, efisien, bersepadu dan berkekalan dapat diwujudkan sekali gus mampu meningkatkan tahap sosioekonomi serta menyediakan kualiti kehidupan lebih baik kepada rakyat.

AKHBAR : HARIAN METRO

Puad Hadinata Yaacob dan Hairulazim Mahmud
hmetoshahalam@metro.com.my

Shah Alam

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mahu pembinaan, perkhidmatan dan tahap keselamatan projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) mencapai taraf kelas dunia.

Bellau berkata, Koridor Barai Lembah Klang mampu meningkatkan lagi unjuran ekonomi negara yang kini mencakupi 37 peratus Kerajaan Dalam Negara Kasar (KDNK) apabila pembinaan LRT3 siap dilaksanakan pada tahun 2020.

Menurutnya, projek jajaran sejauh 37 kilometer (KM) dari Bandar Utama, Petaling Jaya ke Johari Setia, Klang bernilai RM 9 bilion itu bakal memberi manfaat kepada kira-kira dua juta penduduk.

"Saya ditahamkan teknologi terkini (pembinaan) digunakan adalah U-Trough berbanding kaedah pembinaan konvensional. Ini menjadikan standard projek ini bertaraf dunia. Pembinaan (LRT3) akan lebih lancar dan mengikut masa (ditetapkan) di samping tiada kompromi dalam soal keselamatan," katanya pada Majlis Pelancaran LRT3 di Stadium Malawati di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar dan Pengerusi Prasarana Malaysia Berhad Tan Sri Imati Adam.

Kerja pembinaan LRT3 dijadualkan bermula awal tahun depan dan dijangka siap pada 31 Ogos 2020.

Jajarannya akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Segmen 1 (Bandar Utama-Persada PUS), Segmen 2 (Glenmarie-Bukit Raja) dan Segmen 3 (Kawasan 17-Johari Setia) membabitkan 26 stesen.

Dalam pada itu Najib mengumumkan diskaun 50 peratus kepada pengguna LRT dan Monorel antara jam 6 pagi hingga 7 pagi mulai 16 September ini.

Sementara itu, bellau turut mengucapkan penghargaan kepada Mohamed Azmin atas kerjasama kerajaan negeri melancarkan lagi pembinaan projek berkenaan.

Bellau berkata, walaupun mereka mempunyai perbezaan pandangan namun fokus Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri adalah demi rakyat.

"Walaupun kita berbeza pandangan tetapi perlu diingati rakyat mesti didahulukan," katanya sambil disambut sorakan gemuruh daripada hadirin.

MAJLIS diberi penerangan oleh Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Azmi Abdul Aziz (tiga dari kiri) mengenai Projek LRT3 yang bernilai RM9 bilion.

Sasar standard dunia

Najib mahu pembinaan, perkhidmatan LRT 3 bertaraf antarabangsa

INFO

- Panjang jajaran: 37 km (35 km jajaran bertingkat + 2 km jajaran di bawah tanah)
- Bilangan stesen: 26 (25 stesen bertingkat + 1 stesen bawah tanah)
- Kemudahan 'Park & Ride': 6,000 unit tempat letak kereta
- Anggaran penumpang menjelang 2020: 74,000 penumpang/sehari
- Jumlah stesen berintegrasi: 5 stesen (MRT, LRT2, KTM Komuter, BRT-2)
- Masa perjalanan: 55 minit

FAKTA
Projek LRT bernilai RM 9 bilion itu bakal memberi manfaat kepada kira-kira dua juta penduduk